

Pencapaian Pengakap 61

Written by Administrator

Tuesday, 16 October 2012 00:13 - Last Updated Sunday, 21 October 2012 06:01



Pn Salbiah, selaku Pemimpin Pengakap Kumpulan 61 menerima anugerah Persatuan Unit Beruniform Terbaik 2010.

Pengakap Kumpulan 61 telah merangkul pelbagai anugerah, sekaligus gelaran sebagai Persatuan Unit Beruniform terbaik tahun 2010 dalam perhimpunan rasmi bagi menyampaikan Anugerah Kokurikulum 2010 di dataran SMK Bandar Tun Hussein Onn 2 pada 8 November 2010. Pergerakan Pengakap 61 telah berjaya melahirkan 11 orang Pengakap Raja pada tahun 2010 mengatasi sekolah-sekolah lain di Daerah Hulu Langat atas pimpinan berwibawa pemimpin-pemimpin Pengakap Kumpulan 61.

Pencapaian Pengakap 61

Written by Administrator

Tuesday, 16 October 2012 00:13 - Last Updated Sunday, 21 October 2012 06:01

Pada tahun 2011, seramai 13 orang pelajar telah ditaraf sebagai Pengakap Raja di bawah nama Pengakap 61. SMK Bandar Tun Hussein Onn 2 telah melahirkan bilangan Pengakap Raja berkualiti yang terbanyak di Daerah Hulu Langat.

Pada tahun 2012, pengetua sekolah, Puan Sri Datin Mazlilah bt Ahmad Mansor telah dianugerahkan sebagai Pengetua Pengakap Raja Cemerlang 2012. Pengakap 61 telah berjaya melahirkan sebanyak 17 orang Pengakap Raja pada tahun 2012, yakni terbanyak di negeri Selangor pada tahun 2012.

Pengakap Kumplan 61 juga telah menyetai banyak aktiviti seperti perkhemahan, jamboree, kempori, ekspidisi, perkhemahan lencana perkhidmatan dan latihan kawad kaki. Semua aktiviti yang dijalankan oleh Persatuan Pengakap bukan sahaja dapat mendisiplinkan para pelajar, malah dapat memberikan keseronokan, sekaligus mengelakkan pelajar-pelajar daripada terlibat dengan gejala negatif.

BILANGAN PENGAKAP RAJA MENGIKUT TAHUN:

- 2010: 11 Pengakap Raja
- 2011: 13 Pengakap Raja
- 2012: 17 Pengakap Raja

Pencapaian Pengakap 61

Written by Administrator

Tuesday, 16 October 2012 00:13 - Last Updated Sunday, 21 October 2012 06:01

Pengakap Sentiasa Bersedia!!!